

## **ANALISIS KEGAGALAN BAYARAN BALIK HUTANG DALAM KALANGAN ASNAF AL-GHARIMIN DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH**

*Analysis on The Repayment Debt Failure Among Asnaf Al-Gharimin in  
Lembaga Zakat Negeri Kedah*

**Raziah Md Tahir<sup>1\*</sup>  
Syarifah Md Yusof<sup>2</sup>  
Nadiyah Nabilah Baharum<sup>3</sup>  
Siti Mariam S.S Abu Salihu<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>*Institute of Shariah Governance and Islamic Finance (ISGaIF), Institut Penyelidikan & Inovasi Zakat (IPIZ), Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman.*

<sup>2</sup>*Institut Penyelidikan & Inovasi Zakat (IPIZ), Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman*

<sup>3</sup>*Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman*

<sup>4</sup>*Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Aras 7, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman*

*\*Corresponding author (Email: [raziahtahir1974@gmail.com](mailto:raziahtahir1974@gmail.com))*

Received: 17 August 2021, Reviewed: 31 August 2021, Published: 30 September 2021

---

**Abstrak:** *Asnaf al-gharimin ditakrifkan sebagai orang Islam yang berhutang untuk tujuan memenuhi keperluan asas kehidupan yang dibenarkan syarak. Namun, tidak semua golongan yang berhutang mampu menjelaskan hutang mereka atas alasan tertentu. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor kegagalan bayaran balik hutang dalam kalangan asnaf al-gharimin di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Metodologi pengumpulan data dan maklumat kajian dilakukan melalui kaedah temu bual bersama asnaf al-gharimin yang diperolehi daripada pihak LZNK. Hasil kajian diharapkan dapat menambahkan kaedah serta bentuk agihan zakat al-gharimin yang sedia ada agar isu kegagalan bayaran balik hutang dapat diselesaikan dan golongan asnaf al-gharimin dapat membebaskan diri mereka daripada belunggu hutang.*

**Kata Kunci:** Bayaran Balik, Hutang, Asnaf al-gharimin, Zakat, Agihan Zakat

**Abstract:** *Asnaf al-gharimin is defined as a Muslim who is in debt for the basic necessities of life permitted by sharia. However, not all debtors are able to pay their debts for some reason. This paper aims to identify the factors of debt repayment failure among asnaf al-gharimin in Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). The methodology of data collection and research information was done through interviews with asnaf al-gharimin obtained from LZNK. The results of the study are expected to improve the existing methods and types of distribution of zakat al-gharimin so that the issue of debt repayment failure can be resolved and the asnaf al-gharimin can free themselves from the burden of debt.*

**Keywords:** *Repayment, Debt, Asnaf Al-Gharimin, Zakat, Zakat Distribution*

---

## PENGENALAN

Dari segi bahasa, hutang di dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *al-dayn*. Hutang merujuk kepada akad yang memindahkan sesuatu barang atau harta daripada pemilik asal kepada pihak yang berhutang dengan syarat barang tersebut sama nilai dan tiada sebarang penambahan (MAIS, 2021). Hukum berhutang adalah harus dan pihak yang berhutang adalah wajib membayar balik jumlah hutang yang dipinjam kepada pihak pemiutang. Setiap jumlah hutang perlu ditulis agar pihak yang berhutang tidak lupa atau mengabaikan hutang mereka. Menurut istilah para fuqaha, hutang atau pinjaman ini ialah memberi hak milik sesuatu barangan kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan (Mustofa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji, 2004).

Hukum memberi hutang pula adalah sunat dengan niat ikhlas untuk membantu mereka yang berada dalam kesusahan. Seseorang yang sanggup memberi hutang akan diberi ganjaran istimewa oleh Allah SWT. Pemberian hutang kepada mereka yang memerlukan ini merupakan satu bentuk bantuan kebajikan yang sangat digalakkan dalam Islam seperti mana firman Allah SWT:

*“...Dan hendaklah kamu tolong menolong untuk membuat kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu tolong menolong pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab siksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)...”*

(Surah al-Ma'idah, ayat 2)

Sehingga kini, istilah hutang ini cukup sinonim dalam kehidupan manusia. Kadang kala berhutang ini menjadi perkara perlu bagi kebanyakan orang namun ianya boleh menjadi bebanan jika tidak dimanfaatkan untuk perkara yang berfaedah lebih-lebih lagi jika hutang tersebut tidak dijelaskan dengan baik (Nurshila et. al., 2014). Dalam masa yang sama, ia boleh mendatangkan risiko kerugian bagi pihak yang memberi hutang sekiranya hutang tersebut tidak dapat dilangsaikan oleh pihak yang berhutang. Institusi zakat di setiap negeri di Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan urusan kutipan zakat daripada mereka yang berharta dan agihan zakat kepada lapan golongan asnaf berjalan lancar sekaligus memantapkan lagi sosio ekonomi ummah.

Zakat dari segi bahasa membawa maksud bersih, suci, subur, berkat dan berkembang. Bersih dan suci dalam istilah zakat ialah membersihkan harta dari hak orang lain serta mensucikan diri dari sifat kedekut dan bakhil. Dari segi istilah syarak, zakat ialah sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah S.W.T supaya diserahkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang tertentu. Terdapat lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat sepertimana firman Allah S.W.T di dalam surah al-Taubah ayat 60 yang membawa maksud:

*“...Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya dan (membebaskan) orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan”. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai*

*“satu kewajipan daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana...”*

(Surah al-Taubah, ayat 60)

Berdasarkan terjemahan ayat al-Quran tersebut, lapan golongan asnaf yang berhak menerima zakat adalah fakir, miskin, amil, mualaf, *al-riqab*, *al-gharimin*, *fi sabilillah* dan *ibn sabil*. Berdasarkan isu dan tujuan utama kajian ini dijalankan, penyelidik hanya memfokuskan isu agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin*.

Berdasarkan statistik, agihan zakat terhadap asnaf *al-gharimin* kurang diberi perhatian berbanding asnaf *fi sabilillah* (Mohd Faisol & Muhammad, 2019). Sedangkan *al-gharimin* tergolong dalam empat golongan yang patut diberi keutamaan berdasarkan mazhab Shafie selain *fi sabilillah* dan amil. Menurut kajian Syarifah dan Raziah (2015), mereka yang berhutang demi memenuhi tuntutan asas keperluan hidup dan gagal untuk menjelaskannya adalah tergolong dalam penerima bantuan zakat di bawah kategori asnaf *al-gharimin*.

Selain daripada itu, kebanyakan institusi zakat mengklasifikasikan asnaf *al-gharimin* berdasarkan hukum syarak secara umum namun tidak semua institusi zakat negeri di Malaysia mengemaskini kriteria kelayakan asnaf *al-gharimin* mengikut keadaan ekonomi semasa. Justeru perkara ini menimbulkan kesulitan kepada masyarakat dalam mengenal pasti kelayakan mereka sebagai asnaf *al-gharimin*. Ini berikutan takrifan asnaf *al-gharimin* tidak sejajar dengan keperluan semasa mengikut perubahan ekonomi yang berlaku. Syarat-syarat asnaf *al-gharimin* di Malaysia juga adalah berbeza bergantung kepada syarat kelayakan yang ditetapkan oleh institusi zakat negeri masing-masing. Setakat ini, masih belum terdapat kajian mengenai punca yang menyebabkan golongan asnaf *al-gharimin* tidak mampu menjelaskan hutang mereka. Justeru kertas kerja ini membincangkan isu penting berkenaan asnaf *al-gharimin* dari aspek faktor kegagalan bayaran balik hutang.

## **KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA**

Secara umumnya, prestasi kutipan zakat di Malaysia mengalami peningkatan dari tahun ke tahun, akan tetapi peningkatan jumlah kutipan masih belum mencapai potensi sebenarnya (Nor Ghani, Mariani, Jaafar dan Nahid, 2001 & Zulkefly, Mohd Azlan dan Hairunnizam, 2002). Agihan zakat kepada asnaf memberikan kesan yang positif terhadap peningkatan kualiti hidup asnaf (Hairunizam et.al 2004). Namun begitu, masalah yang kerap timbul dalam keberkesanan agihan zakat pada masa kini adalah membabitkan aspek pengurusan agihan zakat (Azman, Mursyid Junaidi & Muhammad Najib, 2019). Walaupun sistem pengurusan kutipan dan agihan zakat sentiasa mengalami penambahbaikan dan pelbagai usaha telah dijalankan, akan tetapi ia masih belum mampu mengurangkan kadar kemiskinan secara drastik di negara kita. Hal ini kerana, permasalahan zakat yang timbul pada masa kini adalah membabitkan aspek pengurusan agihan zakat (Md Rafiqul Islam, 2016; Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2010).

Berdasarkan statistik di laman portal rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), jumlah kutipan zakat adalah melebihi RM177 juta dan jumlah agihan zakat adalah sekitar RM150 juta pada tahun 2018 (LZNK, 2021). Daripada jumlah keseluruhan agihan zakat tersebut, jumlah agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* adalah kira-kira RM1.5 juta pada tahun 2018. Ini bermaksud kadar agihan mengikut peratusan daripada jumlah keseluruhan agihan zakat adalah sekitar 1.01 peratus sahaja bagi asnaf *al-gharimin*.

Zakat bukan sahaja dapat menyucikan hati dan harta bagi orang yang menunaikan zakat malah Allah SWT menjanjikan pahala berganda di akhirat. Sebagaimana firman Allah SWT:

“...Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu bersihkan dan mensucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui...”

(*al-Taubah*, ayat 103)

Zakat berfungsi dalam menjaga kebajikan golongan miskin serta merapatkan jurang golongan kaya dan miskin (Abdul Rahim, 2007). Agihan zakat juga berkesan dalam mengurangkan jurang ketidakseimbangan agihan pendapatan dan seterusnya berjaya mengatasi masalah kemiskinan (Patmawati, 2008 & Fuadah, 2003). Namun begitu, kajian lepas yang dilakukan oleh Ahmad Hidayat dan Saidatul (2014) mendapati terdapat rungutan oleh pembayar dan penerima bantuan zakat dari segi pelaksanaan kutipan dan agihan zakat. Terdapat isu agihan yang masih tidak setara antara penerima zakat dengan hasil kutipan dari pembayar zakat. Ketidakpuasan hati ini berpunca daripada takrifan asnaf yang berbeza bagi setiap negeri. Biarpun jabatan zakat merujuk sepenuhnya takrifan asnaf melalui Al-Quran dan Sunnah, namun secara praktikal ia masih berbeza. Walaupun isu ini telah lama wujud, namun penyelesaiannya masih lagi tidak tercapai (Zulkefly et. al., 2002). Hasil rujukan dan dapatan pengkaji melalui portal institusi zakat negeri, kebanyakan institusi zakat negeri banyak menumpukan golongan asnaf *fi sabilillah* berbanding asnaf *al-gharimin* dalam pengagihan bantuan zakat.

Menurut Zulkefly et al. (2002), dalam menentukan asnaf yang benar-benar layak menerima bantuan zakat, ia adalah satu tugas yang amat rumit kerana keadaan persekitaran yang berbeza antara tempat. Dalam mendapatkan maklumat mengenai asnaf adakalanya terbatas dan terdapat unsur-unsur penipuan dalam melayakkan mereka menerima bantuan. Institusi kewangan Islam khususnya institusi zakat dan perbankan Islam sememangnya mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu golongan miskin terutama sekali dalam usaha membasmi kemiskinan (Zarqa, 1988; Ahmed, 2003). Dana zakat lazimnya dikutip dan diagihkan dengan cara yang konservatif dan tidak produktif. Ianya dapat dilihat di mana peranan zakat pada masa kini hanya lebih memenuhi dasar keperluan perbelanjaan sara hidup daripada fungsi sebenarnya iaitu membela nasib umat Islam.

Sehingga kini, masih terdapat pembayar zakat yang memberikan zakat secara terus kepada penerima zakat tanpa melalui institusi zakat. Pembayaran zakat secara terus kepada asnaf akan menyebabkan jumlah kutipan yang diperolehi oleh institusi zakat berkurangan malah ia dianggap sebagai bocoran dari jumlah kutipan institusi zakat (Sanep & Hairunnizam, 2005). Malahan agihan zakat juga menjadi tidak sekata. Ini kerana tumpuan sesetengah masyarakat adalah hanya kepada golongan fakir dan miskin.

Hasan (2011) telah menjalankan kajian lepas mengenai asnaf *al-gharimin* secara khusus dan mencadangkan agar takrifan *al-gharimin* diperhalusi dan diperluaskan lagi mengikut keadaan semasa berikutan nilai keberhutangan manusia kini tidak lagi ke arah memenuhi keperluan asas sebaliknya lebih kepada berhutang demi kepentingan dan kesejahteraan hidup. Takrifan yang jelas, telus dan terperinci serta menetapkan syarat mengikut piawaian yang

berlandaskan Al-Quran dan Sunnah penting agar masyarakat dapat memahami dengan jelas maksud sebenar *al-gharimin*.

Keberkesanan dalam agihan zakat terhadap lapan golongan asnaf menjadi penanda aras kepada institusi zakat sama ada berjaya atau tidak dalam menjaga kebajikan asnaf (Abd Halim et al., 2015; Mahyuddin, 2012). Dalam menentukan asnaf *al-gharimin* yang layak menerima zakat, faktor keberhutangan dalam kalangan asnaf tersebut perlu juga diteliti agar pihak institusi zakat negeri dapat mengenal pasti sejauhmanakah kelayakan asnaf tersebut untuk menerima bantuan zakat. Hal yang demikian boleh dijadikan sebagai satu tanda aras bagi menentukan syarat dan kategori asnaf *al-gharimin*. Dana daripada zakat boleh digunakan bagi penyelesaian masalah ini berdasarkan kepada dua asas, iaitu orang yang berhutang yang dikenali sebagai *al-gharimin* adalah asnaf zakat dan objektif sebenar zakat adalah untuk pembangunan ekonomi ummah (Ram Al Jafri, 2013). Oleh yang demikian, persoalan kajian berkaitan faktor-faktor kegagalan bayaran balik hutang dalam kalangan asnaf *al-gharimin* perlu dirungkai. Kaedah untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan tersebut dibincangkan dalam bahagian metodologi kajian.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Metodologi pengumpulan data dan maklumat kajian dilakukan melalui kaedah temu bual bersama lima belas (15) orang asnaf *al-gharimin* yang dijalankan secara atas talian. Kaedah ini dilakukan akibat daripada situasi pandemik Covid-19 yang masih membimbangkan. Temu bual secara atas talian ini dapat mengurangkan risiko dan pengkaji dapat menghubungi informan mengikut masa yang telah dipersetujui. Senarai nama dan maklumat asnaf diperolehi daripada pihak LZNK. Informan temu bual dalam kalangan asnaf *al-gharimin* ini adalah melibatkan 6 lokaliti terpilih iaitu daerah Yan, Kulim, Baling, Sik, Kota Setar dan Ibu Pejabat LZNK. Daripada jumlah lima belas orang informan yang ditemu bual tersebut, lima (5) orang daripada daerah Kota Setar, empat (4) orang daripada Ibu Pejabat LZNK, dua (2) orang daripada daerah Kulim, dua (2) orang daripada daerah Baling, seorang daripada daerah Yan dan seorang lagi daripada daerah Sik.

## **RUMUSAN DAPATAN DAN DISKUSI**

Berdasarkan kepada hasil temu bual bersama asnaf *al-gharimin*, pengkaji dapat merumuskan bahawa kegagalan bayaran balik hutang disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman ini datangnya dari masalah yang dihadapi secara langsung dalam kalangan asnaf manakala faktor luaran disebabkan masalah keadaan sekeliling yang tidak dijangka. Hal ini kerana musibah datang tanpa diduga oleh sesiapa pun. Tambahan pula dengan situasi kos sara hidup yang semakin tinggi, peningkatan harga barang keperluan dan kesukaran berurusan ketika berlakunya pandemik Covid-19 turut menjadi punca terhadap keupayaan menguruskan kewangan diri dan keluarga. Ramai dalam kalangan masyarakat mengalami masalah kewangan terutama ketika pandemik ini dan tidak kurang juga yang turut kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan. Berdasarkan temu bual dengan asnaf *al-gharimin*, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan mereka gagal untuk membayar balik hutang mengikut waktu yang telah dipersetujui. Hal yang demikian mendorong mereka memohon bantuan asnaf *al-gharimin*.

Faktor pertama kegagalan bayaran balik hutang yang dikenal pasti adalah disebabkan oleh pendapatan terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Situasi ini menghadkan aktiviti peniaga khususnya yang bekerja sendiri untuk keluar mencari rezeki. Oleh yang demikian, asnaf menyatakan bahawa hasil perniagaan mereka merosot dan sekaligus menyebabkan komitmen terhadap pembiayaan telah terjejas dan seterusnya menjadikan jumlah tanggungan hutang semakin bertambah. Pelaksanaan PKP di seluruh negara ini menjejaskan urusan mencari nafkah dalam kalangan asnaf lebih-lebih lagi untuk menyara kehidupan keluarga dan isi rumah. Hal yang demikian dijelaskan oleh informan A, G, H, I, J, L, M, N dan O seperti berikut.

**Jadual 1. Petikan Temu Bual Informan A, G, I, J, dan O**

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
A	<i>Sejak PKP, sales kurang memuaskan, modal beku dan banyak yang rosak sebab tempoh penggunaan tidak lama</i>
G	<i>PKP ni saya banyak dok rumah, nak keluar tak berani kecuali pi cuci darah saja, dok harap orang bagi bantuan saja sebab kerja tak tentu</i>
I	<i>Pakngah jual sayur dekat kedai, permintaan tak banyak macam dulu, nak beli barang-barang untuk kebun pun banyak kedai tak buka PKP ni”</i>
J	<i>Pakcik tak pi tolong anak meniaga lama dah sejak PKP”</i>
O	<i>Saya kerja dekat rapid, memang slow sejak PKP</i>

Faktor kedua yang menjadi punca kegagalan bayaran balik hutang adalah asnaf belum bekerja kerana belajar sepenuh masa ketika permohonan bantuan dilakukan. Tujuan mereka memohon bantuan zakat adalah kerana terdapat tunggakan bayaran yuran pengajian. Maka, pihak yang terlibat di antara hutang ini di antara pelajar dengan institusi pengajian. Di samping itu, terdapat juga informan yang memohon bantuan zakat untuk menyelesaikan hutang yuran anak di universiti dan di sekolah. Perkara ini disuarakan oleh informan B, C, D, dan E seperti berikut:

**Jadual 2. Petikan Temu Bual Informan B, C, D, dan E**

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
B	<i>Masa saya mohon bantuan zakat tu masa saya tengah study master dekat kolej</i>
C	<i>Lega zakat dapat bantu selesaikan yuran pengajian sem kedua terakhir anak makcik di UNiSHAMS</i>
D	<i>Dapat bantu selesaikan yuran semester akhir saya</i>
E	<i>Saya minta suami mohon zakat untuk bayar yuran pengajian anak saya yang sulung di sekolah swasta</i>

Faktor ketiga kegagalan bayaran balik hutang adalah disebabkan tanggungan ramai. Ketidaktentuan pendapatan dalam kalangan asnaf boleh mempengaruhi proses bayaran balik hutang yang ditanggung lebih-lebih lagi bagi mereka yang mempunyai bilangan tanggungan yang ramai. Hal ini dijelaskan berdasarkan hasil temu bual dengan Informan A, F, K, L, M, N dan O seperti berikut:

**Jadual 3. Petikan Temu Bual Informan A, F, K, L, M, dan O**

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
A	<i>Saya ada 3 orang anak yang masih kecil</i>
F	<i>Selain tu... tanggungan saya ramai</i>
K	<i>Ibu saya kerja guru kafa, masih lagi ada adik-adik lain yang bersekolah</i>
L	<i>Anak saya 6 orang semuanya, isteri surirumah</i>
M	<i>Saya seorang saja bekerja, anak ada 4 orang</i>
O	<i>Saya sorang saja yang bekerja, tanggung ibu ayah, adik dan anak saudara</i>

Dapat disimpulkan di sini bahawa tanggungan yang ramai mendorong asnaf tersebut untuk berhutang kerana kos sara hidup melebihi pendapatan mereka. Faktor keempat pula ialah masalah kesihatan. Terdapat juga informan yang berhadapan dengan situasi anak kurang sihat. Antaranya ialah Informan F yang merupakan seorang ibu tunggal serta mempunyai enam orang anak di mana salah seorang anaknya adalah pemegang kad orang kurang upaya (OKU). Manakala Informan L pula adalah seorang OKU yang mempunyai enam orang anak di mana seorang anaknya penghidap penyakit kronik. Ini berdasarkan perbualan dengan Informan F dan L:

**Jadual 4. Petikan Temu Bual Informan F dan L**

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
F	<i>Suami meninggal 2 tahun lepas, anak pula ramai, yang seorang tu OKU</i>
L	<i>Pakcik ni OKU..anak pakcik sorang tu ada penyakit leukemia</i>

Situasi anak yang kurang sihat juga menyebabkan informan terpaksa berhutang kerana mereka juga perlu mengeluarkan sejumlah wang untuk menampung kos rawatan perubatan yang tinggi. Faktor kelima yang turut menjadi salah satu faktor kegagalan bayaran balik hutang ialah tidak bekerja. Terdapat informan yang tidak bekerja dan ini menyebabkan individu tersebut tiada punca pendapatan untuk menyara kehidupan harian. Hal ini menjadi lebih rumit jika individu terlibat dengan hutang. Dalam kajian ini, informan H menyatakan bahawa sebagai suri rumah dan tidak bekerja, perkara ini menjadi faktor utama beliau tidak mampu membayar balik hutang. Hal ini dapat ditunjukkan seperti petikan temu bual berikut:

**Jadual 5. Petikan Temu Bual Informan H**

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
H	<i>Tak bekerja, surirumah</i>

Faktor keenam pula ialah pendapatan tidak menentu. Terdapat dua orang asnaf *al-gharimin* iaitu informan M dan N menyatakan bahawa pendapatan tidak menentu menyebabkan mereka tidak mampu membayar balik hutang yang tertunggak. Hal yang demikian dapat digambarkan seperti petikan temu bual berikut:

**Jadual 6. Petikan Temu Bual Informan M dan N**

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
M	<i>Kerja motong, tambah la ni dok hujan, lagi tak pi motong</i>
N	<i>Saya kerja guard ganti, kadang ada job kadang tak ada</i>

Berdasarkan kepada hasil temu bual bersama informan, asnaf *al-gharimin* yang berhutang mempunyai alasan yang tertentu mengenai faktor kegagalan menjelaskan hutang yang tertunggak. Jadual 1 menunjukkan ringkasan faktor-faktor kegagalan bayaran balik hutang dalam kalangan asnaf *al-gharimin* ini disebabkan oleh enam (6) faktor utama iaitu pendapatan terjejas akibat PKP, belum bekerja (masih belajar), tanggungan ramai, masalah kesihatan, tidak bekerja dan pendapatan tidak menentu. Kesemua faktor tersebut dapat digambarkan seperti dalam Jadual 1 berikut.

**Jadual 7. Faktor Kegagalan Bayaran Balik Hutang Menurut Asnaf al-Gharimin**

<b>Informan</b>	<b>Faktor-Faktor Kegagalan Bayaran Balik Hutang</b>
A	Pendapatan terjejas akibat PKP, Tanggungan ramai
B	Masih belajar/belum bekerja
C	Masih belajar/belum bekerja
D	Masih belajar/belum bekerja
E	Masih belajar/belum bekerja
F	Tidak bekerja, Tanggungan ramai, masalah kesihatan
G	Pendapatan terjejas akibat PKP
H	Tidak Bekerja
I	Pendapatan terjejas akibat PKP
J	Pendapatan terjejas akibat PKP
K	Tanggungan ramai
L	Pendapatan terjejas akibat PKP, Tanggungan ramai, masalah kesihatan
M	Pendapatan terjejas akibat PKP, Pendapatan tidak menentu
N	Pendapatan terjejas akibat PKP, Pendapatan tidak menentu
O	Pendapatan terjejas akibat PKP, Tanggungan ramai

Berdasarkan Jadual 1 tersebut, dapat dirumuskan bahawa faktor kegagalan bayaran balik hutang yang disebabkan oleh pendapatan terjejas akibat PKP adalah kira-kira 53.3 peratus, faktor masih belajar/belum bekerja adalah kira-kira 26.7 peratus dan faktor tanggungan ramai adalah kira-kira 33.3 peratus. Manakala faktor tidak bekerja, masalah kesihatan dan pendapatan tidak menentu adalah masing-masing sebanyak 13.3 peratus. Keenam-enam faktor yang menyebabkan kegagalan bayaran balik hutang dalam kalangan asnaf *al-gharimin* ini juga dapat digambarkan seperti dalam Rajah 1.





**Rajah 1. Faktor Kegagalan Bayaran Balik Hutang Dalam Kalangan Asnaf Al-Gharimin**

## KESIMPULAN

Walaupun berhutang itu diharuskan dalam Islam, namun setiap orang Islam yang berhutang adalah wajib menjelaskan hutangnya. Sekiranya orang yang berhutang tersebut mempunyai masalah untuk menyelesaikan hutang, pihak yang memberi hutang pula seharusnya lebih bertimbang rasa dalam melanjutkan tempoh pembayaran balik hutang tersebut. Dalam hal ini, kedua-dua belah pihak seharusnya berbincang secara baik bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Pada masa yang sama, agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* merupakan salah satu jalan penyelesaian kepada asnaf yang tidak mampu menjelaskan hutang untuk perkara yang bersifat *daruriyyah*. Golongan ini berhak memohon bantuan zakat daripada institusi zakat negeri. Namun, ia mestilah berdasarkan tujuan sebenar hutang yang tidak melanggar syarak dan mereka benar-benar menghadapi masalah dalam menyelesaikan hutang tersebut. Pihak institusi zakat akan meneliti tujuan hutang tersebut sama ada dibuat berdasarkan keperluan, kehendak atau pun kemewahan semata-mata.

Sumbangan dana zakat dapat membantu individu Islam yang mengalami masalah bebanan hutang. Sekiranya faktor-faktor yang menyebabkan asnaf tidak dapat menyelesaikan hutang dikenal pasti, hal ini akan menjadi lebih mudah kepada pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) untuk mengkategorikan asnaf *al-gharimin* tersebut mengikut kelayakan berdasarkan keperluan yang mendesak. Selain itu, bentuk dan jenis agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* boleh dipelbagaikan sama ada sumbangan bantuan dalam bentuk wang tunai atau pun sumbangan dalam bentuk barangan keperluan asas dan sebagainya. Kedua-dua bentuk bantuan zakat tersebut sebenarnya dapat membantu asnaf *al-gharimin* mengurangkan tahap bebanan hutang yang ditanggung.

**PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) kerana membiayai penyelidikan ini menerusi Geran IPIZ. Kertas Kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bertajuk ‘Agihan Zakat Dalam Kalangan Asnaf *Al-Gharimin* di Kedah: Satu Penilaian Semula’ di bawah Dana Geran IPIZ, Universiti Utara Malaysia, Kod S/O 14731.

**RUJUKAN**

- Mahyuddin, A, B. (2012). Hubungan antara Agihan Zakat dan Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Majlis Agama Islam Selangor, MAIS (2021). Wang Orang Berhutang. Dicapai pada 20 Januari 2021 di <https://www.mais.gov.my/wang-orang-berhutang/>
- Md. Rafiqul, I. (2016). General Mosque Based Zakat Model To The Alleviation of Poverty – Evidence From Bangladesh. *IOSR Journal of Business and Management (IOSR-JBM)*, 18(4), p.1-9.
- Mohd Faisol, I. & Muhammad. S. (2019). Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Melangsaikan Hutang Golongan *Al-Gharimin* Di Malaysia. *Labuan e- Journal of Muamalat And Society*, 45-53.
- Mustofa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Syarbaji. (2004). *Fiqh Mazhab Syafie* (Ust. Solehan Ayub Pentj.). Shah Alam: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Nurshila, A. & Abu Hassan Shaari, M, N. (2014). Hutang Isi Rumah dan Akses Kewangan: Bukti Analisis Panel Dinamik. Prosiding PERKEM ke-9 (2014) 819 – 832.
- Nor Ghani, M. N., Mariani, M., Jaafar, A. & Nahid, I. (2001). *Can Privatization Improve Performance? Evidence Fom Zakat Collection Institutions*. Kertas kerja bengkel ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patmawati, I. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Kajian Empirikal. *Jurnal Syariah*, Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya. Jil 16 (2).
- Ram, A, J, S. (2010). Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan di Negeri Kedah Darul Aman. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Sanep, A. & Hairunnizam, W. (2005). Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat terhadap Sumber Zakat Harta yang Diikhtilaf, *Islamiyyat*, 27(1), 45–65.
- Syarifah, M. Y. & Raziah, M. T. (2015). Analisis Tafsiran Asnaf *Al-Gharimin* Di Malaysia. *International Journal of Management Studies. Special Issues* (22), 81-100.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan A) secara atas talian pada 18 Jun 2021 jam 10.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan B) secara atas talian pada 18 Jun 2021 jam 11.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan C) secara atas talian pada 18 Jun 2021 jam 3.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan D) secara atas talian pada 18 Jun 2021 jam 4.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan E) secara atas talian pada 19 Jun 2021 jam 10.00 pagi.

- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan F) secara atas talian pada 19 Jun 2021 jam 11.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan G) secara atas talian pada 19 Jun 2021 jam 2.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan H) secara atas talian pada 19 Jun 2021 jam 3.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan I) secara atas talian pada 22 Ogos 2021 jam 2.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan J) secara atas talian pada 22 Ogos 2021 jam 3.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan K) secara atas talian pada 3 September 2021 jam 10.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan L) secara atas talian pada 3 September 2021 jam 11.00 pagi.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan M) secara atas talian pada 3 September 2021 jam 3.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan N) secara atas talian pada 3 September 2021 jam 4.00 petang.
- Temu bual dengan asnaf *al-gharimin* (Informan O) secara atas talian pada 4 September 2021 jam 10.00 pagi.
- Zarqa, M., A. (1988). *Islamic Distributive Schemes* in Munawar Iqbal (Editor), *Distributive Justice and Need Fulfillment in an Islamic Economy*, the Islamic Foundation. Leicester, p.165- 216.
- Zulkefly, A. K., Mohd Azlan Shah, Z., & Hairunnizam, W. (2002). "Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu dan Cabaran". Dicapai pada 20 Februari 2021 di <https://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/Prestasi%20Pendapatan%20dan%20Perelanaan%20Zakat.pdf>